

KONVENSYEN KIK ZON UTARA 2019

Disediakan oleh: Sharaf Ahmad

Konvensyen KIK Zon Utara 2019 telah dijalankan di Dewan Seri Budiman, UiTM Cawangan Perak Kampur Seri Iskandar pada 4 – 5/9/2019. Sebanyak 13 pasukan dari negeri-negeri zon Utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah mengambil bahagian. . UiTM Pulau Pinang diwakili oleh 3 pasukan iaitu kumpulan Electron, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, kumpulan Craggy dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan kumpulan Phoenix dari Jabatan Sains Gunaan. Ketiga-tiga pasukan ini terpilih setelah memenangi Mini Konvensyen KIK Peringkat UiTM CPP 2019 yang diadakan pada 8/8/2019. Kumpulan Phoenix JSG dianggotai oleh Sharaf bin Ahmad selaku Fasilitator, Suhaiza bt Hasan selaku Ketua Kumpulan dan Noorezal Atfyinna Mohamad Napiah, Mohd Noor bin Mokhtar, Atikah bt Rohaini, Mohd Rizal bin Che Amat dan Hafizotul Akmar bt Johari selaku ahli kumpulan.

